

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 1991/92

Mac/April 1992

PLG 431 - Pengurusan Sekolah

Masa : [2 Jam]

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Pilih dan jawab EMPAT soalan sahaja.

1. Andainya anda dilantik menjadi pengetua sekolah menengah kebangsaan, bincangkan jenis kepimpinan yang anda akan amalkan. Berikan sebab-sebab mengapa gaya kepimpinan itu sesuai dalam konteks pentadbiran sekolah.

[25 markah]

2. Terangkan sebab apa proses komunikasi penting untuk organisasi mencapai keberkesanan. Huraikan proses komunikasi berdasarkan kepada haluan-haluan tertentu.

[25 markah]

3. Seorang pengetua sekolah akan melanggar Akta Pelajaran 1961 jikalau sekolah serta guru-gurunya tidak didaftar oleh Pendaftar Sekolah dan Guru.

Terangkan prosedur-prosedur berkaitan dengan :

- [a] pendaftaran sekolah dan  
[b] pendaftaran guru

[25 markah]

4. Pada masa sekarang kebanyakan sekolah di negara ini tidak memberi perhatian kepada keselamatan daripada kebakaran. Huraikan peraturan-peraturan mengenai kawad kecemasan kebakaran di sekolah yang wajib difaham oleh semua murid, guru dan pekerja sekolah.

[25 markah]

5. Terangkan syarat-syarat yang semua guru patut tahu mengenai hukuman dera terhadap murid sekolah. Bincangkan kebaikan dan keburukan hukuman dera sebagai tindakan untuk mengatasi masalah disiplin di sekolah.

[25 markah]

6. Apakah kefahaman anda mengenai penyeliaan di peringkat sekolah? Huraikan aspek-aspek penyeliaan yang patut diberi perhatian di sekolah seperti diterangkan dalam ceramah Jemaah Nazir Sekolah kepada pengetua-pengetua sekolah.

[25 markah]

— oooo000oooo —